

## Kata Kampus

Oleh **PROF. MADYA DR. MOHD. MURSYID ARSHAD**

**S**ETIAP kali menjelang awal tahun persekolahan, ramai ibu bapa berhadapan dengan realiti yang sama.

Adakah wang dalam poket mencukupi untuk menyediakan keperluan persekolahan anak-anak? Pakaian seragam sekolah, kasut, beg, alat tulis serta yuran persekolahan bukan sekadar senarai barangan, tetapi keperluan asas yang menentukan sama ada seorang murid dapat melangkah ke sekolah dengan bersemangat atau sebaliknya.

Dalam konteks ini, Bantuan Awal Persekolahan (BAP) tidak wajar dilihat semata-mata sebagai perbelanjaan fiskal tahunan, sebaliknya pelaburan strategik negara yang menyentuh dimensi pendidikan, ekonomi dan kesejahteraan sosial secara menyeluruh.

Pada dasarnya, BAP membantu mengurangkan beban kewangan isi rumah pada waktu paling kritikal dalam kitaran pendidikan.

Perbelanjaan pada musim cuti sekolah, bercuti bersama keluarga serta musim perayaan pada hujung tahun semestinya memberi kesan kepada persediaan persekolahan kepada sebilangan ibu bapa.

Tekanan kos awal persekolahan sering menyebabkan ibu bapa terpaksa membuat pilihan sukar antara keperluan pendidikan dan perbelanjaan asas lain seperti makanan, pengangkutan dan kesihatan.

Dengan memastikan wang berada dalam poket rakyat pada masa tepat, BAP membantu menjamin kemasukan dan kehadiran murid ke sekolah pada hari pertama, sekali gus menyokong prinsip keadilan sosial dan akses pendidikan yang saksama, khususnya bagi keluarga B40 dan M40 ke bawah.

Lebih daripada itu, BAP memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi dan kesejahteraan psikososial murid. Murid yang hadir ke sekolah tanpa keperluan asas sering berasa rendah diri apabila membandingkan diri dengan rakan



BAP membantu menjamin kemasukan dan kehadiran murid ke sekolah pada hari pertama. - GAMBAR HIASAN

# Bantuan Awal Persekolahan pelaburan strategik negara

sebagai memiliki peralatan persekolahan baharu.

Perasaan ini walaupun tidak dizahirkan, namun boleh menjejaskan keyakinan, tumpuan pembelajaran dan kehadiran ke sekolah. Dengan memastikan murid memiliki keperluan persekolahan yang mencukupi, BAP membantu memotivasikan murid dan membina perasaan sama seperti rakan-rakan lain dalam bilik darjah, sekali gus meningkatkan motivasi mereka untuk hadir ke sekolah secara konsisten.

Motivasi ini berkait rapat dengan usaha mencegah kecikiran awal daripada sistem pendidikan. Kecikiran sering bermula dengan masalah kecil yang berlarutan, termasuk ketiadaan peralatan sekolah atau ketidakhadiran pada awal tahun.

Jika tidak ditangani, keadaan ini boleh membawa kepada kecikiran berpanjangan,

dan akhirnya mendorong murid terkelompok dalam kategori 'NEET' iaitu belia yang tidak berada dalam pendidikan, pekerjaan atau latihan.

Dalam hal ini, BAP berfungsi sebagai intervensi awal yang penting bagi memastikan laluan pendidikan murid tidak terputus dan kesinambungan pembelajaran dapat dikekalkan.

Pada masa sama, BAP perlu dilihat seiring dengan budaya berbelanja secara bijak dan mengutamakan keperluan penting. Bantuan ini bukan bertujuan menggalakkan pembaziran, sebaliknya membantu keluarga memenuhi keperluan persekolahan yang penting.

Peralatan masih elok dan boleh digunakan wajar dimanfaatkan sepenuhnya, manakala perbelanjaan baharu difokuskan kepada keperluan asas yang benar-benar diperlukan untuk menyokong pembelajaran.

Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan, malah mendidik nilai kesederhanaan, tanggungjawab dan literasi kewangan dalam kalangan ibu bapa serta murid. Dari sudut ekonomi, BAP turut menyumbang kepada kelangsungan ekonomi rakyat. Perbelanjaan untuk keperluan persekolahan lazimnya dibelanjakan di kedai buku, pembekal uniform, peniaga alat tulis dan usahawan kecil tempatan.

Apabila wang berada dalam poket rakyat dan dibelanjakan secara terancang, ekonomi setempat dapat bergerak dengan lebih lancar, aliran tunai peniaga menjadi lebih stabil dan kesan pengganda ekonomi berlaku di peringkat komuniti.

Dalam konteks ini, BAP berfungsi sebagai rangsangan ekonomi mikro yang bersasar dan berimpak langsung.

Dari perspektif jangka panjang, BAP merupakan pelaburan awal dalam modal insan negara. Murid yang bermotivasi akan

hadir ke sekolah dengan keyakinan dan kekal dalam sistem pendidikan, sekali gus mempunyai peluang lebih besar untuk mencapai pencapaian akademik lebih baik.

Ini seterusnya meningkatkan kebolehpasaran dan produktiviti tenaga kerja masa depan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peluasan asas cukai negara.

Kos intervensi awal seperti BAP juga jauh lebih rendah berbanding kos pemulihan sosial pada masa hadapan, termasuk pengurusan pengangguran belia dan masalah sosial. Namun, potensi besar BAP boleh terhakis jika ia dilihat sekadar sebagai perbelanjaan tahunan tanpa penyasaran, pemantauan dan penilaian impak jelas.

Penyasaran berasaskan data sosioekonomi, pemantauan kehadiran murid serta integrasi dengan sokongan lain seperti pemakanan, bimbingan dan sokongan psikososial perlu diperkukuh bagi memastikan pulangan pelaburan optimum.

Kesimpulannya, BAP bukan sekadar perbelanjaan fiskal, malah menggalakkan murid hadir ke sekolah dengan keperluan yang mencukupi, bermotivasi dan tidak rasa rendah diri. Selain itu, perbelanjaan berhemah dapat membantu keluarga berbelanja secara bijak dan mengutamakan keperluan penting.

Pada masa sama, bantuan ini dapat menggerakkan ekonomi rakyat, menyokong peniaga kecil dan melabur dalam modal insan negara. Peruntukan jumlah yang besar ini mungkin nilainya tidak terlihat dengan bangunan tersergam indah di depan mata, tetapi pelaburan dalam pendidikan, modal insan dan masa depan anak-anak akan terus bersinar pada generasi akan datang.

PENULIS merupakan Pensyarah Pembangunan Belia, Fakulti Pengajian Pendidikan dan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia



BAP dapat membantu meringankan beban ibu bapa menyiapkan keperluan anak-anak pada awal tahun persekolahan. - GAMBAR HIASAN